

KENALI ANAK : Ciri-ciri Perkembangan Anak, Anak Lelaki dan Anak Perempuan.

2.1 Ciri-ciri Perkembangan Anak (3-6 tahun).

Ibu bapa walaupun bukan seorang guru yang baik, namun paling tidak sekurang-kurangnya, mereka memiliki kekuatan besar dalam mendidik anak-anak. Ibu bapalah yang mengawal anak sepanjang tempoh-tempoh terpenting dan kritikal pada tahun-tahun perkembangannya. Terdapat empat perkembangan anak-anak yang perlu diketahui oleh setiap ibu bapa iaitu perkembangan fizikal, perkembangan motor (daya pergerakan), perkembangan emosi dan perkembangan sosial.

Perkembangan Fizikal.

Pada akhir umur tiga tahun, seorang anak memiliki tinggi tiga kaki dan enam inci dan akan lebih tinggi apabila berumur lima tahun. Berat badannya kira-kira 15kg dan diramalkan menjadi 20kg ketika berumur lima tahun. Sudah tentu perbezaan berat dan tinggi badan pada setiap anak kerana faktor keturunan, kesan pengambilan makanan dan nutrient serta faktor lain yang dimiliki anak dalam kehidupannya. Anak lelaki akan lebih tinggi dan lebih berat daripada anak perempuan, namun hal ini juga boleh sahaja berbeza kerana bergantung kepada rawatan dan kecenderungan pertumbuhan anak. Pada umur ini, otot-otot anak menjadi lebih kuat dan pertumbuhan tulang-tulang menjadi besar dan keras. Otak juga telah berkembang sehingga 75% daripada berat otak orang dewasa. Gigi masih merupakan gigi susu dan akan berganti pada perkembangan berikutnya dengan gigi kekal. Kanak-kanak lelaki sangat mahir dengan aktiviti motor kasar jika dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan, namun kanak-kanak perempuan mempunyai kelebihan dalam penguasaan motor halus seperti menguntai manik dan mengikat tali kasut serta pemandangan mata kasar yang lebih baik.

Perkembangan Motor (daya pergerakan).

Perkembangan motor tidak sahaja mencakupi proses berjalan, berlari, melompat, naik basikal roda tiga, mendorong, menarik, memutar dan pelbagai aktiviti koordinasi mata dan tangan, namun juga melibatkan hal-hal seperti melukis, mewarna, menulis dan kegiatan lain. Keterampilan rangsangan pergerakan ini berkembang pesat pada umur ini.

Kemampuan keseimbangan membuat anak mencuba pelbagai kegiatan dengan penuh keyakinan melalui kemahiran yang dimilikinya. Anak mampu memanipulasi objek kecil seperti potongan-potongan *puzzle*. Mereka mampu menggunakan bongkah-bongkah dalam pelbagai ukuran dan bentuk. Anak-anak sangat gemar sekali masuk dan keluar daripada kotak besar, duduk di bawah meja untuk menyembunyikan diri daripada sesuatu. Kegiatan ini juga boleh menggunakan bola atau orang. Pada masa anak berumur lima tahun, belajar sambil bermain lebih memperlihatkan kecenderungan kemahiran daya pergerakan anak.

Anak amat menyukai gerakan-gerakan yang membangkitkan semangat. Dengan itu, mereka tidak perlu duduk lama-lama. Pada dasarnya, permainan yang sesuai ketika umur ini ialah permainan yang dapat merangsang kegemaran mereka akan gerakan-gerakan, bukannya melibatkan permainan yang berbentuk pertandingan.

Perkembangan Emosi.

Umur tiga hingga enam tahun merupakan umur yang sangat temperamental bagi anak-anak. Rasa takut muncul daripada apa-apa sahaja yang mengancam ataupun daripada hal-hal yang tidak biasa bagi mereka. Dengan meningkatnya kesedaran diri seorang anak, maka mereka mudah untuk berasa takut. Rasa takut muncul pada kebanyakan anak sekitar umur empat tahun atau lima tahun melalui cerita-cerita hantu, tempat-tempat berbahaya dan seram, penculikan, bencana dan kematian. Televisyen juga member kesan kepada peningkatan rasa takut pada umur ini. Perasaan marah juga sering kali terjadi pada awal umur kanak-kanak. Setiap hal-hal yang membangkitkan rasa kurang senang, konflik dan kekecewaan juga mempengaruhi perasaan marah anak.

peraturan yang tetap atau mudah untuk berubah-ubah dalam setiap permainan. Terdapat 3 jenis tingkahlaku semasa bermain iaitu bermain dengan rakan (main sorok-sorok, main perang-perang, main kejar-kejar), main sendirian (anak patung, buat lego) dan hanya sebagai pemerhati sahaja (melihat orang lain bermain). Corak bermain antara kanak-kanak lelaki dan perempuan berbeza manakala sekiranya berlakunya pergaduhan atau perselisihan faham mudah untuk dilupai.

Keperluan yang kuat untuk bersahabat jika dipenuhi, akan diganti oleh anak yang sebaya dengan umurnya. Bagi anak-anak prasekolah, rakan penggantinya adalah *imaginary playmates*. Rakan imaginasi anak sebagaimana layaknya seseorang di dunia nyata iaitu memiliki nama, ciri-ciri fizikal dan kemampuan normal yang dimiliki anak sebayanya. Biasanya, anak cenderung lenih senang dengan rakan imajinasinya ini kerana adanya perbezaan status sosial. Umur yang biasa untuk berimaginasi adalah sekitar tiga hingga empat tahun ke atas. Anak biasanya menggantikannya dengan binatang peliharaan seperti anab, burung, ikan atau kura-kura.

Perkembangan Kognitif (ofak, Permintaan²)

Kanak-kanak sangat suka bertanya dan bercakap dan ini membantu mereka memperkayakan bahasa yang mereka pelajari dan dengar seharian. Ibu bapa perlu membiarkan anak-anak bercakap dan bercerita manaka ibu bapa perlu menjadi pendengar yang setia. Ini dapat memotivasikan anak secara tidak langsung bagi menggalakkan anak bercakap dan mempelajari bahasa dan perkataan baru. Disekolah, guru pula perlu menggalakkan mereka bercerita dihadapan rakan-rakan mereka. Pada peringkat usia ini, kanak-kanak akan berusaha bercakap dengan menggunakan bahasa mengikut peraturan mereka sendiri. Peluang dan galakkan daripada ibu bapa sangat diperlukan bagi meningkatkan perkembangan bahasa dan kognitif kanak-kanak.

2.2 Anak Lelaki dan Anak Perempuan.

Keinginan memiliki anak lelaki dibandingkan anak perempuan ketika ini memang masih tinggi terdapat pada sebahagian calon ibu bapa. Apalagi bagi seorang bapa, anak lelaki dianggap lebih mampu untuk meneruskan cita-citanya, kerana lebih kuat berbanding anak perempuan. Perlakuan ibu bapa terhadap perempuan dan anak lelaki sejak kecil mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka sehingga anak lelaki bersifat maskulin manakala anak perempuan bersifat feminine.

Kita boleh membuat kesimpulan bahawa sejak awal kehidupan, ibu bapa menganggap anak lelaki itu berbeza dengan anak perempuan. Memang ada satu kajian yang dilakukan oleh Jacklin dan Maccoby (1984) dan Power & Parke (1982), yang menyatakan bahawa perbezaan persepsi (pandangan) ibu dan bapa terhadap bayinya sudah wujud sebelum bayi dilahirkan lagi. Menurut hasil kajian mereka, seorang bapa ternyata lebih menunjukkan perasaan gembiranya setelah mengetahui bahawa bayinya yang baru dilahirkan adalah lelaki. Sememangnya tiada penjelasan dalam hal sebegini. Hakikatnya, persepsi seperti ini terus berlaku sehingga anak meningkat dewasa. Pemberian sifat-sifat, kegiatan-kegiatan dan tingkah laku yang berbeza pada anak lelaki dan anak perempuan sebagai usaha untuk memainkan peranannya dalam masyarakat disebut sex-typing.

Jika perempuan dianggap lebih lemah-lembut, halus, bersopan dan melakukan kegiatan yang lebih banyak di dalam rumah seperti bermain masak-masak dan anak patung, sebaliknya anak lelaki pula lebih bersifat kasar dan menggemari permainan yang berada di luar rumah. Seorang ibu lebih senang membelikan anak lelakinya permainan seperti robot, kereta kebal, pedang dan bola jika dibandingkan apabila anaknya merengek minta belikan anak patung atau peralatan masak-masak. Demikianlah halnya jika anak sudah mula membesar sedikit, ibu atau bapanya akan berasa cemas jika melihat anak perempuannya belum pulang ke rumah ketika hari sudah hampir lewat petang. Sebaliknya, ibu bapa tidak kisah jika anak lelaki pulang ke rumah.

Keyakinan umum tentang perbezaan jenis kelamin dan peranan yang harus dijalankan sesuai dengan jenis jantainya disebut *sex-role*. Ada beberapa tanggapan negatif yang berlaku kepada lelaki dan perempuan. Misalnya, lelaki yang meminati pelajaran matematik dan ilmu pengetahuan dianggap hebat. Sebaliknya bidang kesenian dianggap lebih sesuai untuk perempuan sehinggakan anak lelaki yang memilih bidang seni dianggap bersifat keperempuanan. Tanggapan ini secara tidak sedar dilakukan sejak anak masih kecil. Seorang bapa sangat marah ketika mengetahui bahawa anak lelakinya memilih kelas tarian daripada kelas lukisan. Tekanan sosial yang lebih besar kepada anak lelaki agar bertingkah laku sesuai dengan peranannya menyebabkan *sex-typing* anak lelaki lebih penting berbanding anak perempuan.

Belajar Atas Peranannya.

Orang yang paling awal bertanggungjawab membentuk identiti seorang anak sama ada lelaki atau anak perempuan ialah ibunya sendiri. Menurut Lynn (1969), peranan jenis kelamin langsung tidak dapat menghapuskan pembentukan identiti ini. Namun, proses pembentukan identiti ini tidak berlangsung secara terus-menerus kepada anak lelaki.

Jika anak perempuan meniru perilaku ibunya tentu sekali dia akan dipuji, malangnya jika anak lelaki yang meniru seluruh dunia akan menghukumnya. Kita lihat saja contoh yang sering kali berlaku di sekeliling kita. Ramai para ibu yang berbangga jika anak perempuannya masih kecil sudah pandai bersolek. Mereka tidak berbuat apa-apa jika si anak mencuba gincu bibir, pemerah pipi, pensel pembayang mata dan bergaya sebagaimana lagak ibunya dengan membawa beg tangan dan memakai kasut yang besar. Anak lelaki sebaliknya dilarang sama sekali berbuat demikian walaupun dia baru sahaja dua tahun. Seorang ibu berasa amat bimbang walaupun anak lelakinya hanya sekadar menggunakan bedak sahaja.

Anak lelaki sejak awal-awal lagi dia dilarang menunjukkan identiti yang bersifat emosi pada ibunya. Anak lelaki mempelajari peranan jenis kelaminnya perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan melalui larangan orang dewasa. Sebaliknya anak perempuan melalui pujian. Oleh kerana itulah, menurut Lynn, ramai anak lelaki sukar untuk belajar untuk berasakan bahawa mereka benar-benar lelaki. Hal ini mungkin juga disebabkan oleh perbezaan perlakuan masyarakat terhadap jenis kelamin kepada anak lelaki dan perempuan sekaligus memperlihatkan bahawa dari sejak kecil anak lelaki secara langsung telah dilatih dalam proses memecahkan persoalan dan bersikap berdikari. Daripada kajian yang dilakukan oleh Hetherington (1972), didapati bahawa perpisahan dengan bapanya ketika umurnya masih kecil, sekitar empat tahun, akan lebih mengganggu *sex-typing* anak lelakinya berbanding berbanding jika hal demikian terjadi ketika anak sudah melewati umur 6 tahun. Sebaliknya sekalipun anak perempuan yang tidak mempunyai bapa, hal ini tetap tidak mempengaruhi *sex-typing* anak itu. Namun, Satroek (1970), menyatakan walaupun ketiadaan bapa, jika ibu mendorong anak lelakinya berperilaku maskulin, anak itu akan lebih banyak memperlihatkan kemaskulinannya. Demikian juga jika ada pengganti ayah seperti saudara lelaki kerana anak lelaki yang mempunyai saudara lelaki akan lebih tegas dan mampu berdikari jika dibandingkan dengan anak lelaki yang mempunyai saudara perempuan.

Androgyny.

Jika dirujuk pada huraian sebelumnya, menyatakan (wujudnya tekanan daripada masyarakat bahawa kebanyakan lelaki itu berperilaku maskulin dan perempuan berperilaku *feminine*. Masyarakat sudah mempunyai pegangan dan perwatakan bahawa lelaki dan perempuan adalah berbeza sama sekali. Lelaki dan perempuan dilihat sebagai dua kutub yang saling berlawanan.)

Konsep *androgyny* menawarkan sesuatu lebih fleksibel (boleh berubah mengikut kesesuaian). Pertukaran perwatakan boleh sahaja terjadi antara lelaki dan perempuan pada suatu masa. Oleh itu, lelaki boleh sahaja berlaku *feminine* manakala perempuan berlaku maskulin. Misalnya, seorang pengusaha wanita yang kelihatan begitu aktif, dominan dan berani dalam perniagaannya, ternyata di rumah mampu mengasuh anaknya dengan lembut serta kasih sayang. Begitulah juga halnya kepada orang lelaki. Lelaki yang keluar bekerja seharian apabila balik ke rumah turut membantu isteri membuat kerja-kerja di rumah seperti menyapu, menyidai pakaian dan mengurus anak-anak. Mengapa boleh wujud aspek *feminine* di dalam diri lelaki dan aspek

maskulin pada kaum perempuan? (Carl Gustav Jung menjelaskan, di dalam diri lelaki memang ada aspek yang disebut anima iaitu feminine, sedangkan pada perempuan ada aspek yang disebut animus iaitu aspek maskulin.)

Adanya aspek animus dan anima ini memberi kemungkinan kepada lelaki dan perempuan untuk mengembangkan kedua-dua aspek tersebut. Perkembangan kedua-dua aspek inilah yang dikatakan sebagai androgyny. Istilah androgyny sendiri berasal daripada bahasa Yunani iaitu dari kata andro yang bererti lelaki dan gyny yang bererti perempuan. Individu yang bersifat androgyny memiliki paduan karakteristik (perwatakan) lelaki dan perempuan, sehingga dia dapat bertingkah laku secara fleksibel sesuai mengikut situasi di mana dia berada. Dia dapat bertingkah laku feminin seperti berlemah-lembut, sensitif dan penuh pengertian namun pada suatu masa yang lain dia dapat bertingkah laku maskulin seperti berdikari, tegas dan agresif.

^{Mawak} 2.3 Harga Diri.

Harga Diri Kanak-Kanak.

Kanak-kanak mula membentuk kepercayaan tentang diri sendiri seawal usia mereka lagi. Kanak-kanak melihat kepada perbuatan atau tingkahlaku ibubapa atau orang-orang yang berada disekelilingnya sebagai bukti bahawa dirinya disayangi. Sekiranya bukti-bukti ini tidak diperolehi, Esteem diri yang rendah akan terbentuk. Esteem diri mempunyai kaitan dengan kejayaan dan kegagalan pelajaran kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempunyai Esteem diri yang tinggi, iaitu percaya bahawa dia mempunyai kebolehan biasanya akan menunjukkan pencapaian yang baik berbanding dengan kanak-kanak yang mempunyai Esteem diri yang rendah, Esteem diri mempengaruhi bagaimana kanak-kanak tersebut berhubung dengan orang lain. Kanak-kanak yang mempunyai Esteem diri yang tinggi akan mempunyai hubungan yang baik dengan orang di sekelilingnya. Sebaliknya kanak-kanak yang mempunyai Esteem diri yang rendah akan mempunyai masalah untuk berhubung dengan orang lain.

- Ibubapa
- guru / masyarakat
- pertunasan

} keyakinan diri

Esteem diri mempengaruhi daya kreativiti kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempunyai Esteem diri yang rendah akan kurang melibatkan diri dengan aktiviti yang berisiko berbanding dengan kanak-kanak yang mempunyai Esteem diri tinggi. Gaya asuhan yang diterima dari ibubapa akan mempengaruhi pembentukan self esteem kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempunyai Esteem diri yang rendah selalu mempunyai masalah atau berkonflik dengan ibubapa atau penjaga, dan juga dengan rakan sebaya.

Panduan bagi Meningkatkan Harga Diri Kanak-Kanak.

1. Memberi pujian kepada anak-anak.
2. Beri perhatian dan kasih sayang kepada kanak-kanak samada dalam bentuk fizikal atau melalui perkataan.
3. Layan dan menghormati kanak-kanak.
4. Konsisten apabila memberi peraturan atau arahan kepada kanak-kanak.
5. Jadilah role model kepada kanak-kanak.
6. Dengar dan berilah respon apabila bercakap dengan kanak-kanak.
7. Tepati janji yang diberikan kepada kanak-kanak. Contohnya apabila berjanji untuk memberi hadiah, maka hendaklah ditunaikan. Apabila janji tidak ditunaikan, kanak-kanak akan merasa diri mereka tidak penting dan tidak dihargai.
8. Jangan biarkan kanak-kanak mengkritik diri mereka sendiri.